



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 Jilid 2 (2)
Tarikh : 25 Februari 2026

Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2026 MENGENAI PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 2 Tahun 2026 mengenai Penambahbaikan Kemudahan Cuti Haji kepada pegawai di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1 Tahun 2026 bertarikh 24 Januari 2026 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Kebajikan, Pusat Pengurusan Bakat Jabatan Pendaftar:

Puan Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali
Pegawai Tadbir / Eksekutif
Tel : 09-431 6363
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)

Pengarah Kanan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
11. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
12. **Ketua Pegawai Digital**
13. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
14. **Semua Pengarah Kanan/ Pengurus Besar**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Pengurus Kanan/ Ketua Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Pengurus Bahagian/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 2 TAHUN 2026

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Penambahbaikan Kemudahan Cuti Haji Kepada Pegawai di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

LATAR BELAKANG

- 2.0 Kemudahan Cuti Haji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah diperuntukkan di Perintah Am 34 dan 35 Bab C (Cuti), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1984: Peraturan Mengenai Kelayakan Cuti Haji di Bawah Perintah-Perintah Am 34 dan 35, Bab "C" dan Perenggan 6, Lampiran D7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991: Cuti Haji dan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)43/36 Jld.4(4) bertarikh 27 Ogos 2019: Penjelasan Mengenai Cuti Haji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.
- 3.0 Kerajaan melalui Perintah Am Bab C (Cuti) telah memperuntukkan kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam lantikan tetap bagi tujuan untuk mengerjakan ibadah Haji. Syarat-syarat cuti adalah seperti berikut:

- i. Cuti Haji hanya boleh diluluskan sekali sahaja di dalam tempoh perkhidmatan pegawai dan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat tidak kurang daripada empat (4) tahun dan telah disahkan jawatan;
- ii. Cuti Haji boleh diluluskan kepada pegawai beragama Islam yang berjawatan tetap dan telah disahkan jawatan; dan
- iii. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pegawai yang berjawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada enam (6) tahun secara berterusan.

4.0 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.1 Tahun 2026 bertarikh 10 Februari 2026 telah meluluskan cadangan Penambahbaikan Kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai di UMPSA.

PELAKSANAAN

5.0 Penambahbaikan kemudahan Cuti Haji kepada pegawai di UMPSA selaras dengan surat edaran JPA bertarikh 10 September 2025 dan Kemudahan Cuti Haji dalam Perintah Am 34 dan 35 Bab C adalah dikekalkan dengan pindaan berikut:

- i. Cuti Haji boleh diluluskan kepada pegawai beragama Islam yang berjawatan tetap;
- ii. Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh sehingga 40 hari termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Sekiranya tempoh haji adalah melebihi 40 hari, ia adalah berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi;
- iii. Cuti Haji hanya boleh diluluskan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan; dan

- iv. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pegawai berjawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada enam (6) tahun secara berterusan.

TARIKH KUAT KUASA

6.0 Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

PEMBATALAN

7.0 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pentadbiran ini, Pekeliling Perkhidmatan (PP) dan surat edaran seperti di bawah adalah dibatalkan:

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1984: Peraturan Mengenai Kelayakan Cuti haji di Bawah Perintah-Perintah Am 34 dan 35, Bab "C";
- ii. Perenggan 6, Lampiran D7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991: Cuti Haji; dan
- iii. Surat Edaran JPA.SARAAN(S)43/36 Jld.4(4) bertarikh 27 Ogos 2019: Penjelasan Mengenai Cuti Haji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

MAKLUMAT PERTANYAAN

8.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeling ini, mohon dikemukakan kepada:
Unit Perkhidmatan dan Kebajikan,
Pusat Pengurusan Bakat,
Jabatan Pendaftar
E-mel Rasmi : saraan.bsm@umpsa.edu.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 24 Februari 2026



KEMUDAHAN CUTI HAJI

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menetapkan peraturan Kemudahan Cuti Haji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Haji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah diperuntukkan di Perintah Am 34 dan 35 Bab C (Cuti), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1984: Peraturan Mengenai Kelayakan Cuti Haji di Bawah Perintah-Perintah Am 34 dan 35, Bab "C" dan Perenggan 6, Lampiran D7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991: Cuti Haji dan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)43/36 Jld.4(4) bertarikh 27 Ogos 2019: Penjelasan Mengenai Cuti Haji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

PELAKSANAAN

Kelayakan Cuti Haji

3. Kemudahan Cuti Haji dalam Perintah Am 34 dan 35 Bab C adalah dikekalkan dengan pindaan berikut:

- (i) Cuti Haji boleh diluluskan kepada pegawai beragama Islam yang berjawatan tetap;
- (ii) Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh sehingga 40 hari, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Sekiranya tempoh haji adalah melebihi 40 hari, ia adalah berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi;
- (iii) Cuti Haji hanya boleh diluluskan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan; dan



- (iv) Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pegawai berjawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada enam (6) tahun secara berterusan.

4. Penambahbaikan bagi perkara 3 (i) iaitu memansuhkan syarat pengesahan dalam perkhidmatan dan perkara 3 (ii) adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan (PP) dan surat edaran seperti di bawah adalah **dibatalkan**:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1984: Peraturan Mengenai Kelayakan Cuti haji di Bawah Perintah-Perintah Am 34 dan 35, Bab "C";
- (ii) Perenggan 6, Lampiran D7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991: Cuti Haji; dan
- (iii) Surat Edaran JPA.SARAAN(S)43/36 Jld.4(4) bertarikh 27 Ogos 2019: Penjelasan Mengenai Cuti Haji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S)800-1/1/6 JLD.9(9)
Tarikh : 10 September 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Seperti dimaklumi, Kerajaan melalui Perintah Am Bab C (Cuti) telah memperuntukkan kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam lantikan tetap bagi tujuan untuk mengerjakan ibadah Haji.
3. Sejar dengan komitmen Kerajaan untuk memelihara kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam serta memperkukuh penghayatan nilai ihsan dalam kerangka Malaysia MADANI, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik kemudahan ini seperti berikut:

- i. memansuhkan syarat pengesahan dalam perkhidmatan; dan

- ii. Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh sehingga 40 hari, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Sekiranya tempoh haji adalah melebihi 40 hari, ia adalah berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi.
4. Sehubungan itu, Ceraian SR.5.3.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkenaan kemudahan Cuti Haji adalah dipinda sesuai dengan penambahbaikan ini.
5. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, pindaan Ceraian SR.5.3.1 Kemudahan Cuti Haji ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)